

Mahu lahir juruterbang profesional

m/s: 41

Lapangan Terbang Tanjung Laboh jadi harapan UTHM ke arah realisasikan impian tersebut, harap kerajaan pertimbang

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berharap kerajaan memberi keizinan kepada pihaknya menggunakan Lapangan Terbang Tanjung Laboh, di sini berikutan giat berusaha melahirkan juruterbang profesional daripada graduan universiti berkenaan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, harapan berkenaan diutarakan sebagai agenda bagi mengukuhkan kerjasama yang dimeterai dengan Malaysia Airlines (MAS).

Menurutnya, lapangan terbang terbabit dahulu pernah beroperasi ketika perang dunia kedua dan ia berpotensi digunakan oleh UTHM melalui Jabatan Kejuruteraan Aeronautik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan.

“Jika lapangan terbang ini dibenarkan kerajaan untuk

UTHM guna, ia bakal melahirkan graduan pakar dalam penyelenggaraan pesawat serta juruterbang yang diiktiraf.

“Kami diberitahu kerajaan kini sedang mempertimbang permohonan yang sudah dilakukan dan kami yakin kerajaan akan memberi sokongan penuh.

“UTHM merupakan institut pengajian tinggi pertama di negara ini yang berhasrat untuk menceburi bidang berkenaan,” katanya selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama MAS, semalam.

Menurutnya, UTHM menyasarkan sebelum 2020, lapangan terbang berkenaan akan kembali beroperasi.

Katanya, sehingga kini, MAS membentuk pasukan khas yang bertanggungjawab meneliti proses berkenaan bagi mendapat keizinan menggunakan landasan sepanjang



Mohd Noh (tiga, kanan) dan Pengarah Operasi MAS, Kapten Izham Ismail bertukar dokumen semasa memeterai MoU.

1,000 meter itu.

“Landasan di Tanjung Laboh ini masih terdapat dalam peta penerbangan dunia, malah ia turut tersenarai sebagai landasan kecemasan, walaupun tidak boleh mendaratkan pesawat besar se-

perti Boeing 737.

“Bagaimanapun, ianya boleh diubah suai kerana kedudukannya di tepi laut, sama ada untuk memanjangkan landasan atau sebagainya,” katanya.

Menurutnya, MoU ber-

sama MAS bakal menggalakkan lagi kerjasama dalam program penerbangan profesional serta mencapai perkara utama yang penting iaitu kebolehpasaran graduan UTHM dalam industri penerbangan.

“Bidang kerjasama yang

dirancang seperti program latihan staf dan pelajar; program latihan industri pelajar; program seminar bersama; persidangan, latihan dan kuliah dalam penyelenggaraan pesawat dan juruterbang profesional,” katanya.